

23 MAY 1997

Mahathir-Melaka

BERTUGAS DENGAN SEMPURNA, KATA PM KEPADA KM MELAKA

Oleh: Azman Ujang

LONDON, 23 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan Ketua Menteri Melaka yang baru, Datuk Abu Zahar Isnin supaya menjalankan tugas dengan sempurna serta menggunakan kuasa secara bijak.

Katanya, sebagai Ketua Menteri, Abu Zahar mempunyai banyak kuasa dan kuasa itu tidak boleh disalahgunakan.

Abu Zahar dilantik bagi mengisi kekosongan jawatan itu selepas kematian alahyarham Datuk Seri Mohd Zin Abdul Ghani pada 14 Mei akibat diserang angin ahmar.

"Saya harap dia dapat menjalankan tugasnya dengan sempurna dan tidak menyalahgunakan kuasa," katanya kepada wartawan Malaysia hari ini pada persidangan berita di bilik hotelnya di sini pada akhir lawatan lima hari ke Britain.

Perdana Menteri berkata oleh kerana kerajaan negeri Melaka adalah sebuah kerajaan Barisan Nasional (BN), adalah penting sekali ada kerjasama rapat dengan kerajaan pusat.

"Ini ialah kerana kita dapati sesetengah kerajaan negeri walaupun terdiri daripada kerajaan BN, ia mempunyai pendirian yang terasing dengan kerajaan pusat," katanya.

Beliau juga berkata faktor "bersih" akan lebih diberi keutamaan dari sekarang dalam pelantikan anggota politik ke jawatan yang penting dalam negara.

"Kita nak calon yang bersih, bukan sahaja bersih tetapi ternampak bersih," kata beliau.

"Kita tak nak calon yang walaupun bersih tetapi ternampak kotor...itulah yang penting sekali," kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA

AU AHH